

## KENYATAAN PELAWAAN SEBUT HARGA

1. Sebut Harga ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di dalam bidang yang ditawarkan serta mempunyai kelayakan dan kepakaran serta masih dibenarkan menjalankan kerja-kerja dalam bidang yang berkaitan. Sebut Harga yang dipelawa adalah seperti berikut :-

Bil.	No. Sebut Harga	Tajuk	Kod Bidang
1	PTKM(J) Ptn. 18/2020	Perkhidmatan Mencuci Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Muda (Pengurusan Tanah) bermula April 2020 sehingga Mac 2022	0228102 - Bangunan Pejabat

2. Dokumen Sebut Harga ini akan mula dijual pada **05 Mac 2020 (Khamis)** dengan harga **RM10.00 setiap set** sepertimana dinyatakan dibawah. Sebut Harga akan ditutup pada **12 Mac 2020 (Khamis)**. Borang Sebut Harga boleh diperolehi **pada waktu bekerja** seperti berikut :-

- 2.1 Ahad hingga Rabu - 8.30 pagi hingga 12.30 tengahari  
- 2.30 petang hingga 3.30 petang
- 2.2 Khamis - 8.30 pagi hingga 12.30 tengahari

### **Bahagian Khidmat Pengurusan**

**Aras 1, Blok C**

**Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Muda (Pengurusan Tanah)**

**08000 Sungai Petani**

**Kedah Darul Aman**

3. Semua dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan bersama dengan Profil Syarikat dan salinan pendaftaran Kementerian Kewangan dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang bertanda Nombor dan Tajuk Sebut Harga di sudut kiri sampul tersebut. Bagi tawaran harga dan tawaran teknikal hendaklah disediakan dalam dua (2) sampul surat yang berasingan dan berlakri dan dialamatkan kepada :

### **Pengerusi**

**Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga**

**Aras 1, Blok C**

**Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Muda (Pengurusan Tanah)**

**08000 Sungai Petani**

**Kedah Darul Aman**

4. Dokumen Sebut Harga hendaklah dikembalikan tidak lewat daripada jam **12.00 tengah hari** pada **12 Mac 2020 (Khamis)** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang telah disediakan di **Aras 1, Blok C, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Muda (Pengurusan Tanah)**.
5. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Muda (Pengurusan Tanah) tidak terikat untuk Sebut Harga terendah atau mana-mana Sebut Harga atau untuk memberi apa-apa sebab penolakan sesuatu Sebut Harga. **Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.**

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KEDAH AMAN MAKMUR - HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(AHMAD FUAD BIN CHE ANI @ ABD. GHANI, AMK., AMN., BCK.)**  
Ketua Penolong Pegawai Daerah Kanan (Pengurusan Tanah)  
b.p. Pegawai Daerah Kuala Muda  
Kedah Darul Aman